



BARISAN pemimpin MPP, UMS bersama pelajar SMK Taun Gusi, SMK Inanam, SMK Narinang dan SMK Arshad yang menyertai Program Leader To Lead di Kota Belud, Sabah, baru-baru ini.

MPP UMS terap nilai kepemimpinan pelajar sekolah di pedalaman

UIN 6:5 · 2015 42

KOTA BELUD 5 Mei – Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mengajurkan Program *Leader to Lead* yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taun Gusi dekat sini.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar sekolah berkenaan termasuk penyertaan dari SMK Inanam, SMK Narinang dan SMK Arshad.

Presiden MPP, Alfarid Abraham berkata, program tersebut menjadi satu wadah MPP universiti untuk menerapkan ilmu dan nilai kepemimpinan dalam diri peserta program.

“Setiap aktiviti yang dirancang bukan sahaja bertujuan menguji minda para peserta malah memupuk sifat kerjasama sebagai sebuah kumpulan.

“Ini selaras dengan objektif program iaitu melahirkan bakal pemimpin pelajar yang mempunyai

nilai ketahanan fizikal dan mental dalam menghadapi apa jua cabaran mendatang sekali gus mampu mengendalikan sesuatu organisasi secara cekap dan profesional,” jelasnya.

Bertemakan *Lead for the Next Generation*, program yang julung-julung kalinya diadakan itu dirasmikan Ketua Sektor Akademik, Jabatan Pendidikan negeri, Datuk Dr. Mohd. Kassim Mohd. Ibrahim yang juga Ahli Lembaga Pengaruh UMS.